



03 FEB, 2025

100 pelajar DUN Pandan Indah terima baucar kelengkapan sekolah

Sinar Harian, Malaysia



100 pelajar DUN Pandan Indah terima baucar kelengkapan sekolah

SHAH ALAM - Seramai 100 pelajar di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pandan Indah menerima baucar Pusat Pakaian Hari-Hari bernilai RM150 tajaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk membeli kelengkapan sekolah.

ADUN Pandan Indah, Datuk Ir Izham Hashim berkata, sumbangan itu merupakan inisiatif pihak swasta dan Pusat Khidmat Masyarakat bagi memenuhi tanggungjawab sosial korporat.

"Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH SWT kerana saya diberi rezeki untuk menyantuni anak-anak dan ibu

bapa membeli barangan keperluan persekolahan untuk sesi akademik baharu.

"Insya-ALLAH, pelbagai lagi bantuan akan disalurkan kepada warga Pandan Indah yang layak menerima bantuan, khususnya untuk program sumbangan *Back to School* daripada Yayasan Menteri Besar Selangor Pemerbadanan," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Sabtu.

Dalam pada itu, Izham turut berharap agar bantuan tersebut dapat meringankan beban golongan rentan terutama di kawasan tengah bandar.

FOTO: FACEBOOK IZHAM HASHIM



Izham (kiri) bersama penerima baucar Pusat Pakaian Hari-Hari tajaan TNB.